



BAB SATU



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Majalah TM (Teknologi Maklumat) bercetak di Malaysia yang memuatkan pelbagai perkembangan mengenai teknologi maklumat seperti isu-isu komputer, internet, perisian, permainan dan peralatan multimedia mengalami perkembangan yang pesat sejak kebelakangan ini.

Pasaran untuk majalah-majalah TM ini meluas di Malaysia kerana ledakan teknologi maklumat dunia dan dengan adanya pelbagai dasar kerajaan seperti 'Koridor Raya Multimedia', 'Dasar Penswastaan', 'Satu Rumah Satu Komputer' dan penyelarasan setiap aktiviti pihak kerajaan dan swasta secara *online* untuk mewujudkan kerajaan elektronik, pembelajaran elektronik, komuniti elektronik dan segalanya yang berkaitan dengan elektronik.

Majalah-majalah TM ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelbagai golongan masyarakat terutamanya masyarakat bandar yang kini terpaksa menjadikan diri mereka untuk 'mesra komputer' atau 'celik komputer' untuk memastikan kerja-kerja harian mereka berjalan dengan lancar dan mutu pekerjaan mereka meningkat. Jadi pembacaan majalah-majalah TM ini dapat membantu mereka untuk meningkatkan pengetahuan mengenai dunia TM dan komputer yang terbaru jika dibandingkan dengan maklumat yang diperoleh dari buku-buku berbentuk TM.

Hal ini kerana majalah sentiasa menyajikan bahan-bahan berkenaan komputer dan TM yang terkini berbanding dengan buku yang hanya mempunyai isi yang sama dalam satu tempoh masa tertentu. Penggunaan buku boleh diaplikasikan untuk industri lain tetapi penggunaannya untuk teknologi komputer dan TM adalah tidak praktikal kerana teknologi komputer adalah sebuah industri yang cepat berubah berbanding industri lain di dunia (*Dewan Kosmik*, Februari 1999: 45).

Selain dapat mengetahui perkembangan-perkembangan dunia TM, pembaca juga dapat menambahkan pengetahuan mengenai kemahiran menggunakan komputer, sejarah perkembangan komputer, bagaimana sesebuah bahan multimedia beroperasi, mengenali struktur dalaman komputer, kaedah penyimpanan data, perisian-perisian terbaru komputer, permainan terbaru, perkakasan komputer dan apa sahaja bahan-bahan terbaru dalam dunia TM dan komputer dengan lebih tepat dan terperinci.

Pemaparan artikel dengan gambar-gambar yang menarik, reka bentuk grafik yang canggih, huraian yang terperinci mengenai sesuatu topik, gaya penulisan yang berangkai dari satu rencana ke satu rencana yang lain dan iklan bahan-bahan multimedia dalam majalah-majalah ini memberi kesan yang positif dari segi penambahan pengetahuan pembaca-pembaca majalah TM di Malaysia.

Majalah-majalah TM ini yang mempunyai purata harga RM 28.10 seunit tidak menjadi faktor penghalang kepada pembaca untuk memilikinya. Ia tidak menjadi masalah kerana mutu penerbitan majalah ini tinggi seperti pembungkusan yang kemas dengan menggunakan plastik untuk setiap unit majalah, kulit majalah yang menarik dan helaian-helaian halaman majalah yang mempunyai kualiti kertas yang bermutu serta gambar berwarna warni yang divanish. Ada juga majalah-majalah seperti ini

menyertakan program-program tertentu dalam bentuk CD (*compact disk*) sebagai panduan. Perisian, permainan, *mouse pad*, penanda buku dan risalah-risalah tertentu juga kadang-kadang disertakan sebagai cenderamata untuk pembaca mereka.

Memandangkan majalah TM semakin mendapat sambutan di kalangan pembaca Malaysia, maka pengkaji mengambil keputusan untuk mengkaji mengenai majalah-majalah TM di pasaran tempatan pada masa kini. Sebelum kajian ini diteruskan elok rasanya pengkaji mendefinisikan dahulu tajuk kajian agar tidak berlaku penyimpangan dalam kupasan kajian nanti.

Kamus Dewan mendefinisikan perkembangan sebagai perihal proses berkembang menjadi maju dan tersebar, membiak meluas, pertumbuhan dan kemajuan (1994: 625). Penerbitan membawa maksud perihal menerbitkan, urusan atau pekerjaan menerbitkan majalah dan lain-lain (1994: 1431).

Majalah bermaksud terbitan berkala yang mengandungi makalah, fiksyen, gambar foto dan lain-lain (1994: 843). Manakala bercetak pula membawa maksud dicap (1994: 237). Berdasarkan definisi kamus Dewan ini bolehlah disimpulkan bahawa pengkaji ingin membuat kajian mengenai pertumbuhan dan kemajuan penerbitan majalah TM berkala yang dicap dengan mengambil contoh tiga buah makalah TM yang diterbitkan di Malaysia sebagai sampel kajian. Majalah-majalah tersebut ialah *Computimes Shopper Malaysia*, *Majalah PC* dan *Majalah PC.COM*.

Proses modenisasi telah mengubah minda masyarakat untuk mencari dan memilih bahan bacaan yang sesuai dengan peredaran masa. Masyarakat mula mengalihkan perhatian mereka daripada bahan bacaan ringan yang berbentuk hiburan, picisan dan mempunyai tujuan untuk bersantai kepada bahan bacaan yang berbentuk informasi.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian mengenai majalah TM ini cuba untuk menghuraikan permasalahan yang terdapat dalam majalah TM iaitu apa sebenarnya isi kandungan majalah TM di pasaran majalah Malaysia. Kajian ini juga cuba untuk mengenalpasti apakah jenis maklumat mengenai TM yang disediakan dalam majalah-majalah ini untuk tatapan pembaca mereka. Permasalahan ketiga kajian ini adalah amalan penerbitan yang diamalkan oleh penerbit-penerbit tempatan dalam menghasilkan majalah TM di Malaysia.

1.3 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif untuk kajian ini iaitu,

1. Untuk mengkaji apa itu majalah TM iaitu jenis-jenis majalah TM yang membanjiri pasaran majalah tempatan.
2. Menghuraikan perkembangan penerbitan majalah di Malaysia khususnya majalah TM, di samping melihat latar belakang syarikat penerbitan majalah dan amalan-amalan penerbitan yang digunakan oleh penerbit majalah-majalah TM bercetak pada masa kini. Daripada penyelidikan ini dapat diketahui persamaan dan perbezaan amalan penerbitan antara penerbit-penerbit majalah ini.
3. Untuk menganalisis kandungan majalah-majalah TM terpilih di pasaran tempatan untuk mendapatkan gambaran sebenar kandungan majalah-majalah TM.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai majalah TM ini penting kerana belum ada lagi sebarang kajian yang berkaitan dengan majalah TM ini yang pernah dilakukan sebelum ini. Kajian yang bersifat semasa ini cuba untuk mengetengahkan kepentingan penerbitan salah sebuah majalah yang masih baru di pasaran. Analisis yang dibuat pula bakal menjadi sumber maklumat kepada pasaran majalah di Malaysia secara amnya dan maklumat kepada mereka yang berminat dalam penerbitan majalah TM khususnya.



1.5 Skop Kajian

Kajian ini hanya akan memberi tumpuan kepada majalah TM bercetak di Malaysia sahaja. Dalam kajian ini sejarah kemunculan majalah TM di Malaysia, faktor-faktor yang menggalakkan perkembangan majalah TM di Malaysia dan jenis-jenis majalah TM di Malaysia akan dibincangkan.

Tiga buah majalah yang dijadikan sebagai sample kajian iaitu majalah *Computimes Shopper Malaysia*, *Majalah PC* dan majalah *PC.COM*. Majalah-majalah ini dipilih untuk melihat belakang syarikat penerbitan, sejarah penerbitan majalah-majalah tersebut di Malaysia dan amalan penerbitan yang diamalkan oleh syarikat-syarikat tersebut. Analisis kandungan ketiga-tiga buah majalah ini juga akan diketengahkan dalam kajian ini.

Ketiga-tiga buah majalah ini dipilih kerana mempunyai jumlah edaran yang paling tinggi di pasaran tempatan. Majalah *Computimes Shopper Malaysia* mempunyai jumlah edaran sebanyak 160,000 setiap keluaran (*Media Guide 2002: 119*), *Majalah PC*

sebanyak 24,000 sebulan (2002: 192), dan majalah *PC.COM* pula mempunyai jumlah pengedaran sebanyak 18,000 sebulan (2002: 225).

Walaupun majalah *IT Asia*, *PC World* dan *Business Computing* juga mempunyai kadar edaran yang lebih kurang sama dengan ketiga-tiga buah majalah ini, tetapi majalah-majalah ini tidak dipilih dengan alasan ada antara majalah tersebut bernaung di bawah syarikat penerbitan yang sama dan diimport dari luar negara. Faktor lain yang diambil kira oleh pengkaji dalam memilih majalah yang bakal dikaji adalah, majalah tersebut diterbitkan oleh penerbit tempatan dan memberi keutamaan kepada majalah TM berbahasa Melayu yang pertama di Malaysia. Ketiga-tiga majalah yang bakal dikaji merupakan terbitan syarikat-syarikat penerbit tempatan.

Penyelidikan ini juga akan mengetengahkan tiga buah syarikat penerbitan di sekitar Lembah Klang iaitu IT Publication Sdn. Bhd, Karangkrak Sdn. Bhd dan Twenty First Century Media Sdn. Bhd.

Selain itu beberapa buah kedai buku seperti MPH Bookstore Mid Valley, kedai majalah Megstore Subang, Pustaka Bangsar dan Popular Petaling Jaya telah dipilih untuk mendapatkan maklumat tajuk-tajuk majalah TM di pasaran tempatan.

Seorang pengedar iaitu pengedar Danalis Distributors Sdn. Bhd, pihak Kementerian Dalam Negeri dan pihak Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia juga ditemubual untuk mendapatkan reaksi mereka terhadap kegiatan penerbitan majalah TM di Malaysia.

1.6 Metodologi Penyelidikan

Kajian mengenai majalah TM ini akan dilakukan dengan menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah temuramah dengan responden-responden yang terlibat dan analisis kandungan ke atas tiga buah majalah yang dijadikan sebagai sampel kajian.

Kaedah temuramah dipilih kerana dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat mengumpulkan maklumat-maklumat yang terkini mengenai isu-isu berkaitan dengan majalah TM ini daripada sumber majalah TM itu sendiri. Maklumat yang diperolehi melalui kaedah ini selalunya tepat dan boleh dipercayai kesahihannya. Kaedah ini juga dapat menjimatkan masa pengkaji untuk mengumpulkan maklumat berbanding dengan cara lain yang memerlukan masa yang lama untuk mendapatkan hasil penyelidikan.

Manakala kaedah analisis kandungan dipilih kerana cara ini merupakan cara yang paling berkesan dan dapat menghasilkan analisis atau keputusan yang tepat selepas pemerhatian yang teliti dan berterusan dilakukan terhadap satu-satu sampel kajian. Maklumat dari analisis kandungan juga dapat digunakan untuk membuat perbandingan antara satu sampel kajian dengan sampel yang lain. Hasil perbandingan ini akan digunakan oleh pengkaji untuk mengesan persamaan dan perbezaan isi kandungan tiga buah majalah TM di Malaysia.

1.6.1 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah *Descriptive Studies* atau rekabentuk yang bersifat menghurai. Apa yang dimaksudkan oleh pengkaji di sini ialah pengkaji akan menghuraikan sejarah majalah TM di Malaysia, kategori-kategori majalah TM di Malaysia, amalan-amalan penerbitan yang diamalkan oleh penerbit majalah-majalah TM di Malaysia serta kandungan-kandungan majalah TM di Malaysia.

Rekabentuk yang bersifat menghurai ini dipilih oleh pengkaji kerana ia sesuai dengan tajuk kajian dan sifat kajian ini yang diklasifikasikan sebagai kajian kualitatif, iaitu yang lebih kepada penghuraian. Walaupun pengkaji ada melakukan analisis kandungan yang memerlukan pengiraan tetapi peratus bahagian pengiraan dalam kajian ini adalah sedikit sahaja. Kebanyakkan analisis kandungan yang dilakukan adalah lebih bersifat menghuraikan isi-isi atau ruangan-ruangan yang terdapat dalam majalah TM yang dikaji ini.

1.6.2 Responden Kajian

Responden-responden untuk kajian ini dipilih berdasarkan kepakaran dan pengalaman mereka dalam bidang penerbitan majalah TM. Kesemua responden yang dipilih adalah dari kalangan mereka yang melibatkan diri secara langsung dalam menerbitkan dan mengembangkan majalah-majalah TM di Malaysia.

Wakil dari dua buah pihak kementerian telah ditemuramah. Mereka ini merupakan kumpulan yang memberi lesen, garis panduan serta merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan majalah TM berkembang dan berada di negara ini.

Manakala penerbit tiga buah majalah ini pula dipilih sebagai responden kerana mereka merupakan golongan yang ahli dalam selok belok penerbitan majalah syarikat masing-masing. Pekedai-pekedai buku yang dipilih sebagai responden pula merupakan antara kedai yang memiliki koleksi majalah TM yang paling banyak iaitu antra 30 hingga 50 judul berbanding kedai-kedai lain yang hanya mempunyai koleksi 1 hingga 5 buah judul sahaja.

Pengedar ini pula dipilih kerana mendapat cadangan dari kedai-kedai buku ini bahawa pengedar yang membekalkkan majalah-majalah TM ini kepada mereka adalah pengedar tersebut. Jadi sesuaiilah pengedar ini menjadi responden kerana penglibatan mereka dalam pengedaran majalah TM ke kedai-kedai yang dijadikan sebagai sampel kajian.

1.6.3 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk melakukan kajian di bawah kaedah temuramah ini ialah dengan mengedarkan set-set soalan untuk responden-responden yang terlibat. Responden seperti penerbit masing-masing akan menerima satu set soalan yang sama. Set soalan untuk penerbit ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A merupakan bahagian yang mengemukakan soalan-soalan mengenai syarikat penerbitan majalah dan pendapat-pendapat umum mengenai industri majalah TM di Malaysia. Bahagian ini mempunyai 27 buah soalan. Bahagian B pula merupakan bahagian yang mengemukakan soalan-soalan mengenai amalan penerbitan majalah oleh syarikat penerbit yang terlibat. Bahagian ini dipecahkan kepada 3 sub topik yang utama

iaitu sub topik amalan editorial, sub topik amalan pengeluaran dan sub topik amalan pengedaran. Terdapat sebanyak 31 buah soalan dalam bahagian ini (Rujuk lampiran A).

Manakala responden dari pihak kementerian dan pengedar majalah pula akan mendapat set soalan yang berbeza. Soalan untuk kedua-dua pihak ini lebih bersifat umum dan lebih banyak meminta pendapat mereka mengenai industri penerbitan dan perkembangan majalah TM di Malaysia.

Bagi pekedai pula selain dari set-set soalan yang memerlukan mereka memberikan pendapat-pendapat mengenai penjualan dan perkembangan majalah TM di Malaysia, mereka ini akan mendapat satu set borang yang memerlukan mereka mengisi judul-judul majalah yang terdapat di kedai mereka beserta dengan harga majalah-majalah tersebut (Rujuk Lampiran B).

Soalan-soalan ini akan ditanya sendiri oleh pengkaji secara lisan kepada responden semasa sesi temuramah dan jawapan untuk setiap soalan akan disalin atau direkodkan dalam pita rakaman. Kadang-kadang soalan-soalan ini dihantar melalui e-mail dahulu kepada responden-responden yang terlibat untuk membolehkan mereka bersedia sebelum ditemuramah oleh pengkaji.

Bagi set borang judul majalah pula akan diberikan oleh pengkaji kepada pekedai semasa sesi temuramah dan kemudiannya mengutip borang-borang tersebut selepas satu minggu dari sesi perjumpaan atau selepas menerima panggilan dari responden-responden ini.

Untuk analisis kandungan pula instrumen yang digunakan ialah enam keluaran majalah untuk setiap 3 tajuk majalah TM yang dipilih sebagai sampel kajian ini. Isi-isi majalah ini akan dipisahkan mengikut kekerapan tajuk yang diterbitkan dalam majalah-

majalah tersebut pada setiap keluaran. Kemudiannya setiap tajuk dalam majalah itu akan dihuraikan satu-persatu mengikut kedudukannya dalam majalah.

1.7 Pembahagian Bab

Penulisan mengenai kajian ini akan dipadatkan dalam 5 bab. Bab-bab tersebut adalah seperti berikut:

Bab 1 Bab ini akan menyorot pendahuluan yang pada dasarnya merupakan kertas cadangan projek penyelidikan. Antara lain yang dimuatkan dalam bab ini ialah latar belakang kajian atau pengenalan kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, pembahagian bab, dan ulasan persuratan.

Bab 2 Bab dua pula memfokuskan huraian tentang majalah TM, faktor-faktor perkembangan majalah TM di Malaysia, jenis-jenis majalah TM di pasaran majalah tempatan dan konsep majalah TM di Malaysia.

Bab 3 Bab tiga akan memberi tumpuan kepada latar belakang majalah dan syarikat penerbitan majalah yang bakal dikaji iaitu latar belakang majalah *Computimes*, *Shopper Malaysia*, *Majalah PC* dan *Majalah PC COM*. Amalan penerbitan majalah-majalah ini juga akan dikaji dalam bab ini.

Bab 4 Bab empat dalam kajian ini akan menyentuh analisis kandungan majalah-majalah yang terpilih. Analisis ini akan merangkumi ruangan tetap, ruangan bebas, ruangan iklan dan analisis keseluruhan kandungan ketiga-tiga buah majalah yang dikaji ini.

Bab 5 Bab terakhir iaitu bab kelima merupakan kesimpulan terhadap penyelidikan yang telah dilakukan. Bab ini akan menyelitikan masalah dalam penerbitan majalah TM di Malaysia, masa hadapan majalah TM di Malaysia, dan juga cadangan-cadangan untuk memperbaiki penerbitan dan memperkenalkan majalah TM kepada pembaca di Malaysia.

Berdasarkan pembahagian bab di atas boleh disimpulkan bahawa kajian ini telah dibahagikan kepada dua bahagian yang utama iaitu,

1. Secara am (bab 1 hingga 2) akan membincangkan gambaran mengenai industri majalah TM di Malaysia.
2. Secara terperinci (dari bab 3 hingga 5) akan membincangkan profil syarikat yang menerbitkan majalah TM, amalan penerbitan, analisis kandungan majalah, dan kesimpulan kajian.

1.8 Ulasan Persuratan

Tajuk yang dikaji ini merupakan satu kajian yang dilakukan ke atas satu produk majalah yang baru berada di pasaran. Kajian majalah TM ini amat bersifat samasa dan belum ada lagi hasil kajian tentang topik ini.

Jadi, ulasan persuratan untuk majalah TM ini tidak dapat dilakukan secara mendalam dan sewajarnya kerana bahan berkaitan dengan majalah TM boleh dikatakan tidak ada langsung baik secara hasil cetak atau hasil rakaman.

Walau bagaimanapun penulis telah melakukan kajian persuratan mengenai majalah secara umum dan kemudiannya mengaitkan hasil kajian ini dengan aspek-aspek kajian lain yang bakal diketengahkan dalam perbincangan ini seperti amalan penerbitan dan analisis kandungan.

Penulisan mengenai aspek penerbitan dan perkembangan majalah iaitu sejarah majalah di Malaysia telah banyak dihasilkan. Penulisan seperti ini dihasilkan oleh sarjana dan para cendekiawan yang mengkaji penerbitan majalah-majalah di pasaran tempatan. Tetapi kajian yang dihasilkan kebanyakannya hanya melihat senario penerbitan majalah di Malaysia secara umum. Penghasilan bahan terbitan ini juga lebih menjurus kepada perkembangan akhbar dan majalah.

Selain kajian mengenai penulisan akhbar dan majalah sudut lain yang sering dicungkil dalam kajian terhadap penerbitan majalah di Malaysia ialah kajian ke atas bidang editorial, bidang pemasaran, bidang periklanan, bidang penggunaan bahasa dalam majalah, analisis kandungan, imej wanita dalam majalah dan sebagainya. Kajian yang lepas ini lebih memberikan tumpuan kepada majalah-majalah seperti majalah hiburan,

majalah humor, majalah keluarga, majalah wanita, majalah persilatan, majalah fesyen, dan majalah masakan.

Apa yang dapat disimpulkan oleh pengkaji setelah menjalankan kajian persuratan adalah, belum ada lagi sebarang aspek kajian seperti di atas yang dikaitkan dengan majalah-majalah TM ini. Penulisan mengenai analisis kandungan, amalan editorial, amalan pemasaran dan amalan pengedaran majalah-majalah tertentu telah banyak dilakukan oleh sarjana-sarjana terdahulu, tetapi tidak berkaitan dengan majalah TM.

Penulisan mengenai analisis kandungan, amalan editorial, amalan penerbitan dan amalan pengedaran majalah ini merupakan satu rujukan yang amat penting dan berguna sebagai satu garis panduan kepada penulis untuk melakukan analisis terhadap kandungan dan mengenal pasti amalan-amalan penerbitan majalah-majalah TM di pasaran tempatan.

Terdapat juga beberapa buah penulisan mengenai komponen multimedia yang pernah dilakukan seperti kajian terhadap CD-ROM, komputer, internet serta penggunaan internet dan komputer.

Dalam Kajian persuratan yang telah dijalankan oleh penulis di perpustakaan Universiti Malaya dengan menggunakan saluran *Online Public Access Catalogue* atau Sistem Katalog Awam Talian Terus (OPAC), beberapa buah buku mengenai majalah yang telah ditulis oleh sarjana seperti yang dibincangkan di atas telah dikenalpasti oleh pengkaji. Sebanyak 63 tiga buah latihan ilmiah yang dihasilkan di peringkat sarjana mengenai kajian ke atas majalah-majalah yang dijual di pasaran tempatan juga telah dikenalpasti.

Terdapat berpuluh-puluh buah buku yang ditulis oleh sarjana luar negara mengenai majalah juga telah dikenalpasti oleh penulis tetapi kebanyakan dari penulisan

ini menyentuh aspek dan cara menulis dalam majalah, reka letak majalah, teori-teori dalam penulisan majalah, istilah-istilah yang digunakan dalam majalah, sejarah kewujudan dan perkembangan majalah di negara asal mereka dan sejarah penerbitan majalah dalam tempoh masa tertentu.

Tinjauan penulis terhadap penulisan-penulisan yang lepas juga membawa penulis menemui beberapa buah artikel mengenai sejarah perkomputeran dunia, bahan-bahan multimedia terbaru, definisi bahan-bahan tertentu, fungsi bahan-bahan teknologi dan huraian-huraian mengenai dunia komputer dan TM. Artikel-artikel ini diperolehi oleh penulis di dalam majalah *Dewan Kosmik*, *Dewan Siswa* dan beberapa buah majalah yang dikeluarkan sekitar tahun 90- an.

Hampir semua bahan-bahan ini tidak berkaitan secara langsung dalam kajian mengenai majalah TM ini kecuali kajian analisis kandungan majalah-majalah tertentu dan beberapa buah artikel dari majalah *Dewan Kosmik* dan majalah *Dewan Siswa* sahaja. Tetapi bahan-bahan lain yang tidak berkaitan secara langsung ini, berupaya membantu pengkaji dalam memahami asas dan tahap-tahap perkembangan dalam penerbitan majalah di dunia dan di Malaysia. Pemahaman ini sangat berguna bagi pengkaji bagi meneruskan kerja-kerja penyelidikan dengan menjadikan bahan-bahan ini sebagai sumber utama dan bahan rujukan bagi pengkaji dalam menyiapkan kajian ini.